

# RM1.4 bilion bantuan banjir diagih

BH - 30/12/2021 ml: 9

## Kerajaan laksana beberapa penambahbaikan berhubung BWI

Oleh Rohaniza Idris dan Latifah Ariffin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan memastikan segala bantuan serta kemudahan kepada mangsa banjir dilaksanakan secara komprehensif, berkesan dan menyeluruh di bawah Bantuan Banjir Keluarga Malaysia dengan nilai keseluruhan RM1.4 bilion, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, selain Bantuan Wang Ihsan (BWI) yang sedang diagihkan ketika ini, kerajaan juga bersetuju memberi baucar bernilai RM500 bagi pembelian barangan elektrik dan RM1,000 bagi membaiki kenderaan yang mengalami kerosakan total kepada keluarga mangsa banjir.

Beliau berkata, di bawah inisiatif Bantuan Banjir Keluarga

Malaysia, kerajaan melaksanakan beberapa penambahbaikan berhubung BWI iaitu RM1,000 kepada setiap Ketua Isi Rumah atau KIR yang terjejas akibat banjir termasuk mereka yang tidak berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS)

“Selain itu, RM10,000 kepada waris mangsa yang meninggal dunia, mangsa yang terjejas akibat banjir boleh menuntut BWI setiap kali bencana menimpa, berbanding sebelum ini hanya sekali sahaja ketika Monsun Timur Laut.

“Menyedari mangsa banjir memerlukan wang tunai, kerajaan-kerajaan negeri sudah membuat bayaran BWI bermula 27 Disember lalu dan dijangka selesai minggu ini, tetapi kelewatan dijangka di Selangor dan Pahang kerana membabitkan mangsa yang ramai,” katanya menerusi kenyataan semalam.

Justeru itu, Ismail Sabri berkata, beliau sudah mengarahkan semua pihak berkaitan agar mempermudah urusan pembayaran BWI kepada keluarga mangsa banjir tanpa sebarang birokrasi atau tanpa perlu mengisi pelbagai borang seperti sebelum ini.

Katanya, setakat data terkini, lebih 30,000 KIR sudah didaftarkan untuk menerima BWI dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sudah menyalurkan peruntukan awal sebanyak RM34 juta kepada 11 buah negeri, manakala 25 waris sudah menerima bantuan RM10,000 seperti diumumkan.

“Kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi menggerakkan kerja-kerja pasca banjir. Selain itu, kerajaan turut menambah RM50 juta lagi khusus untuk negeri Selangor dan Pahang bagi tujuan yang sama.

“Setakat 28 Disember, sebanyak 3,000 tan sisa banjir telah dibersihkan di lima buah negeri yang terkesan iaitu Selangor, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka yang membabitkan 1,700 tenaga kerja di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT),” katanya.

Bagi menambah akses tunai

kepada mangsa yang memerlukan, Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan dana RM100 juta menawarkan pembiayaan sehingga RM10,000 pada kadar 0 peratus dengan tempoh bayaran balik sehingga 3.5 tahun termasuk moratorium bayaran balik selama enam bulan.

Selain itu, Bank Negara Malaysia juga dengan ketersediaan dana RM500 juta menyediakan Kemudahan Bantuan Bencana atau DRF melalui bank komersial iaitu sehingga RM500,000 kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan sehingga RM75,000 kepada usahawan mikro.

Ismail Sabri berkata, seperti yang diumumkan sebelum ini, Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan memberikan rebat 100 peratus bil elektrik kepada pengguna domestik yang terkesan akibat banjir bagi Disember 2021.

“Menyedari musibah banjir menyebabkan kerosakan banyak peralatan elektrik di rumah, sukacita saya umumkan kerajaan



Ismail Sabri Yaakob

bersetuju menyediakan pemberian baucar kepada mangsa banjir bagi pembelian peralatan elektrik yang telah rosak dengan KIR yang layak boleh memohon dan mendapatkan baucar bernilai RM500 semasa membuat pembelian, sama ada secara fizikal di kedai dan pasar raya berdaftar atau platform e-dagang yang diiktiraf Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

“Bagi meringankan beban mangsa banjir yang mengalami kerosakan kenderaan, hampir semua syarikat bersetuju memberi diskaun dalam perkhidmatan baik pulih yang ditawarkan kepada mangsa banjir, selain ada yang bersetuju memberi kemudahan bayaran secara ansuran,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga bersetuju memberi baucar sebanyak RM1,000 untuk digunakan bagi tujuan pembaikan atau pembelian menggantikan kenderaan peribadi yang mengalami kerosakan total.

Ismail Sabri berharap, menerusi kesemua inisiatif menyeluruh itu, ia dapat membantu meringankan beban Keluarga Malaysia yang terkesan akibat banjir.